

17 NOV 1998

APEC-BERITA-ABDULLAH

PM JEPUN AKAN TUNAI JANJI BERI BANTUAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi telah memberi komitmen akan memberikan bantuan kewangan seperti yang telah dijanjikan.

"Jepun berhasrat menunaikan pemberian bantuan kewangan sebanyak yang telah dijanjikan.

"Tetapi ada beberapa prosedur yang perlu diikuti dahulu," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa ketua negara di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai, Presiden Chile Eduardo Frei Ruiz-Tagle, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi, Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley dan Presiden Indonesia B.J Habibie.

Prosedur yang disebut itu adalah berkaitan dengan penilaian yang mungkin perlu diberikan terlebih dahulu oleh Jepun mengenai terhadap projek dan program yang memerlukan bantuan, katanya.

Jepun telah menjanjikan AS\$1.8 bilion kepada Malaysia dari rundingan berasingan yang dibuat oleh Dr Mahathir semasa di Tokyo baru-baru ini.

Baru-baru ini Jepun mengumumkan bantuan sebanyak AS\$30 bilion untuk memulihkan ekonomi di Asia Tenggara.

Abdullah berkata bantuan AS\$1.8 bilion adalah berasingan dari US\$30 bilion itu. "Bantuan AS\$30 bilion itu dihargai dan Malaysia juga menghargai bantuan tambahan untuk Malaysia (AS\$1.8 bilion)," katanya.

Abdullah berkata Perdana Menteri berharap bantuan-bantuan yang dipersetujui oleh Jepun itu untuk membantu ekonomi yang bermasalah dapat dipercepatkan.

--BERNAMA

THG JR